20+





# Mazwan Johar

@mazwanjoe · Tokoh Masyarakat

Hantar Mesej

Halaman Utama   Semakan   Lagi   Suka



**Mazwan Johar**

18 Oktober ·

PEMULIHAN TEROWONG BERHANTU DI SEKSYEN 2 BBB.

Sejak dari mula saya mendapat tahu adanya satu laluan terowong yang menghubungkan kawasan perumahan Seksyen 2 dan Seksyen 3 BBB di bawah laluan Persiaran Pekeliling, saya berasa teruja untuk menjejak terowong tersebut. Diberitakan terowong ini menjadi laluan ramai para penduduk BBB bertahun-tahun dahulu. Mereka boleh berjalan kaki, berbasikal ataupun bermotorsikal dilaluan tersebut tetapi tidak lagi popular kini kerana tidak berjaga.

Laluan ke terowong itu penuh semak-samun dan gelap serta menggerunkan pada waktu malam hingga subuh. Ada yang percaya tempat itu berhantu.

Saya telah melakukan 2 kali lawatan intensif ke sana. Kali pertama pada waktu siang, 7 September lalu dan kali kedua pada waktu malam 12 Oktober lalu. Pada lawatan malam hari itu saya ditemani oleh 3 daripada orang kuat saya iaitu Tn. Hj. Bukhari, abang Hassan Ramly

261

20+

Saya mendapati kawasan laluan ini telah dibersihkan secara bergotong-royong oleh para penduduk berdekatan. Keadaan menjadi lebih kemas, cerah, bersih dan mudah untuk dilalui.
Walaupun begitu saya berasa khuatir melihat lambakan bahan sisa binaan rumah yang saya syakki hasil daripada kerja renovasi dan pembaikan rumah dikawasan Seksyen 3 dilonggokkan menutupi sebahagian daripada laluan ke terowong tersebut. Keadaan lorong laluan telah rosak dan luluh dimamah usia dan perlu dibaiki.

Saya terfikir untuk memulihkan laluan bersejarah ini terutamanya jika ia masih  bermanfaat kepada penduduk kawasan sekitarannya. Makluman awal yang saya dapat laluan ini masih digunakan oleh para pelajar sekolah dan ianya memudahkan penduduk di Seksyen 3 untuk mendapatkan akses ke pasar BBB di Seksyen 1. Ini boleh menambah peluang ekonomi para peniaga di pasar tersebut.

Saya ada membangkitkan kemungkinan ini kepada pihak JKR Hulu Langat. Saya berasa sukacita dengan gerakerja dan sambutan baik diberikan oleh mereka. Pada malam saya melawat terowong tersebut, untuk pertama kalinya setelah bertahun-tahun terbiar, terowong itu kini bercahaya dengan pemasangan lampu dan pendawaian bekalan elektrik yang diusahakan oleh pihak JKR.

Saya dengan ini mempelawa semua pihak penduduk yang berkepentingan dikawasan tersebut yang meliputi Seksyen 2 dan 3 khususnya dan sekolah yang berhampiran untuk menghubungi pejabat saya sekiranya tuan-tuan bersetuju agar laluan terowong penghubung antara Seksyen 2 dan 3 BBB ini dipulihkan semula sepenuhnya.

Saya bersedia membantu tuan-tuan dalam perkara ini termasuk membelanjakan sebahagian daripada peruntukan ADUN untuk mencapai hasrat dan cita-cita tersebut.

BERAMANAH MENGGALAS MANDAT RAKYAT.

Mazwan Johar,
ADN Sungai Ramal.
Ahad, 18.10.2020

#ybmazwanjohar




261

20+







+15

243 132 Komen 36 Perkongsian

Suka Komen Kongsi

Paling Relevan

Tuliskan komen...

**Rawiyiah Zakaria**
Boleh buat mural bagi penggiat seni.

Suka · Balas · 5m

**Harun Zain**
Saya pernah guna jalan ini untuk ke seksyen 2 atau 1, jalan selamat/ cepat untuk pejalan kaki, berbasikal dan motor berbanding jalan raya. Sokong penuh dipulihkan.

7

Suka · Balas · 5m

**Fairuz Mustafa**
https://www.gedungmindabotak.com/.../terowong-lagenda.../



GEDUNGMINDABOTAK.COM
Terowong Lagenda Bandar Baru Bangi

1

Suka · Balas · 5m

3 Balasan

**Harmizah Abd Wahab**
Anak bujang sy guna jln tu unt ke sek 3 setiap ptg unt pergi bermain bola,pernah terbenam tayar motor krn ada lumpur. Jln yg paling selamat menyeberang ke sek 3.

2

Suka · Balas · 5m

261

**Azman Shaari**
Syabas YB terima kasih kerana telah restore pejalan kaki tersebut yang mana telah dibina oleh pihak PKNS sebagai cycle path.

3

Suka · Balas · 5m

**Abdul Karim Mhd Sarif**
Alhamdulillah.. YB sedar & beri juga perhatian selepas gotong royong persatuaan penduduk dan pbt.. agihan bajet dialu alukan untuk menambahbaik lagi apa yg penduduk sudah usahakan.. kita raikan semua pihak yang ingin menyumbang.. biarlah lambat asalkan... **Lihat Lagi**

Suka · Balas · 5m · Telah disunting

**Yatie Yusop**
Semuga YB dapat & pihak yang terlibat dapat memulihkan semula jalan terowong tu, orang berjoging pun masih guna jalan tu selain yang tak de kenderaan untuk ke pasar, juga budak2 Sekolah masih setia menggunakan jalan terowong..

4

Suka · Balas · 5m

**Muhamad Aliff Kamal**
Persatuan Penduduk BBBangi (Bangiku) bersama MPKJ,PKNS,Ahli kariah Surau Damai,PIBG SMKBBB,PIBG SKBBB, Delta Siera Malaysia. Ini senarai penuh pihak terlibat pembersihan awal laluan tersebut setelah sekian lama dibiarkan, mohon masuk dalam penulisan pe... **Lihat Lagi**

Suka · Balas · 5m · Telah disunting

27 Balasan

**Chyrill Ruslan**
YB, lampu jalan persiaran pekeliling mcm mana? Dah berbulan tak menyala lampu nya. Apa masalah sebenarnya? JKR atau PBT?

Suka · Balas · 5m

4 Balasan

**Zam Lai Kun**
Mazwan Johar Mohon tolong YB tgkkn Jalan ABIM di Sg Ramal Dalam, jalan ketika naik bukit abim..sisa Simen dari lori mixer sangat tebal pada permukaan jalan..mohon tlg selesaikan dengan pihak berwajib sbb jalan tu dh lama tak di tar balik dan ini berkai... **Lihat Lagi**

Suka · Balas · 5m

2 Balasan

261

**Alep Taep**
YB.. saya rasa lebih baik YB fokus kat lampu jalan raya atas tu.. dari seksyen 2 smpai seksyen 4 dah setahun tak menyala lampu jalan tu.. takat terowong bawah ni mcm kurang penting ketika ini.. Saya dah buat aduan kat portal rasmi JKR hulu langat sejak... **Lihat Lagi**

**Suka** · **Balas** · 5m · Telah disunting

7 Balasan

**Nini Kosai**
Setuju dipulihkan, tak perlu phone - buatkan voting post in your FB page. Kalau boleh banyakkan lagi lorong pejalan kaki yang selamat dan diselenggara selalu di sekitar Bangi untuk mengalakkan orang berjalan kaki dan bersenam. Terima kasih.

**Suka** · **Balas** · 5m

**Razak Ibrahim Ajak**
yb kami ade satu masalah lagi di kawasan syeksen 2 & 1..ade seorng hamba allah yang suka merosak kan harta benda awam & pokok di sekitar kawasan kami..hamba allah ni perlu di tegur atau di buat sesuatu..rase bole tanye penduduk sekitar kawasan kami sem... **Lihat Lagi**

**Suka** · **Balas** · 5m

2 Balasan

**Fairuz Mustafa**
Tempat memancing ikan keli waktu kanak-kanak dahulu. Saya ada idea untuk bangunkan kawasan ini. Nanti saya hubungi Tuan YB.

**Suka** · **Balas** · 5m

**Ahmad Kantan**
Pelik.panjang2 tulis yg gotong royong penduduk setempat.3 perengan terakhir suruh penduduk call kalau bersetuju.Dah tahu penduduk guna, buat je la.

**Suka** · **Balas** · 5m

1 Balasan

**Othman Haji Daud**
**Terbaik** YB Tuan Hj Mazwan.
Tak lupa jua utk orang kanan YB ustaz **Mohd Ridzuan Mhd Zolkafli** 😎💪👍✌

**Suka** · **Balas** · 5m

**Anuar Abd Rahman**
Saya setuju jika kwsan ni di baik pulih seperti dulu, Jalan ni menyambung kan antara dua sekolah iaitu skbbb terus

261

20+

Suka · Balas · 5m

**Puncak Bistari Puncak Bistari**
Tolong tengok juga Jalan mawar, Jalan Teratai Sg Ramal Dalam yang tidak mempunyai lampu Jalan. Keadaan Jalan yang gelap pada waktu malam.

Suka · Balas · 5m

**Farhan Syahmi**
Kalau boleh lampu2 dekat jalan persiaran tu bagi dinyalakan semula... Macam masa depan gelap je lah bangi waktu malam ni

Suka · Balas · 5m

**Yusof Ghani**
Kerja kuat YB, tinggalkan legasi sebab sepenggal jer. Pastu bye bye miss american pie lah.

Suka · Balas · 5m

Peminat Teratas
**MyBangi Membangun**
Lagi satu YB, pasar basah BBB perlu di upgrade, perlu di perluaskan lagi. Jadi macam pasar siti khatijah, semua perniagaan ada ...

Suka · Balas · 5m

**Muhammad Hafiz**
Terowong ni di bina di masa zaman penjajahan jepun dahulu ..utk berlindung dari serangan tentera jepun ..
**#donesejarah**

Suka · Balas · 5m

**Affendi Karim**
👍 **terbaik** YB kita ni...

Suka · Balas · 5m

**Hazalina Ibrahim**
Bolehkah pihak tuan meminta masjid2 yang berdekatan untuk sama2 memulihkan terowong ini. Rasanya masjid banyak dana

Suka · Balas · 5m

**Nor Aziyan Talib**
Terowong ni sgt popular di zaman persekolahan kami.. Org2 yg pindah bangi tp x bersekolah di bangi (sk jln 2 & sm jln 2) ramai x tahu terowong nih...

Suka · Balas · 5m

**Dato Zoid Fellugeous**
alhamdulilah..terbaiklah YB atas keperhatinan ...

Suka · Balas · 5m

261

محمد سلمان صالح
Saya duduk sebelah terowong ni dato... Saya pernah Tanya kenapa terowong ni dibiar x Di selenggara.. tapi X Di tutup pulak.. semoga bila dah bersih ni boleh Di meriahkan kawasan ni # **Mohd Azir**

**Suka** · **Balas** · 5m · Telah disunting

2 Balasan

**Nurul Hidayah**
Buat mvm saloma walk tu.. buka gerai kat situ... meriah sket

**Suka** · **Balas** · 5m

**Mohdkhairilsaufi Bzulkeppli**
bnyk sejarah jalan ni... pohon betik pun habis gugur

**Suka** · **Balas** · 5m

**Rohana Ana**
Satu lg YB jln 25/8 x bertar lg..jln menghala ke desa surada.tq

**Suka** · **Balas** · 5m

**Azwan Zuhairi**
elok sgt YB... setuju kalau buat Bangi Walk atau trek jogging. zaman nostalgia kami thn 90an dulu yg duduk di jalan 3 nk ke sekolah jalan 2.

**Suka** · **Balas** · 5m

**Shahila Mohd Din**
,semoga dpt pasang lampu yg berkualiti bagi pihak yg berkenaan

**Suka** · **Balas** · 5m

**Uwaisilqrani Ahmad Zairi**
Ini laluan aku pergi sekolah dulu tahun 1998-2000.

Dari Seksyen 16 ke SMK Jalan 3.

**Suka** · **Balas** · 5m

Peminat Teratas
**Ajid Che Kob**
Setuju dibaik pulih...

**Suka** · **Balas** · 5m

Peminat Teratas
**MyBangi Membangun**
Tak perasan YB, bg detail sikit kat mana. Dari S2 di mana masuk dan keluar ke S3 di.mana?

**Suka** · **Balas** · 5m

9 Balasan

**Shahrul Niza Mohamad**
Boleh..tp eloknya diletakkan cctv...maklum sajalah kalu bdk2 sekolah guna...yg bdk laki xpa,klau bdk pompuan naya oiii....ada kes nt bru resedar

Suka · Balas · 5m

**Nadia Nabhan**
seriously

Suka · Balas · 5m

**Fadzrol Lope**
Terbaik yb

Suka · Balas · 5m

**Rudy Irwan**
Saya cadangkan terowong ini diceriakan dengan lukisan mural.

Suka · Balas · 5m

**Jon Malay**
Budak terowong dulu namanya

Suka · Balas · 5m

**Ahmad Nizam**
**Terbaik** mazwan...ini yang kita mahukan. Mudahan2 laluan alternative ini dapat digunakan dengan selamat selepas ini.

Suka · Balas · 4m

**Mohd Zurmi**
**Dato Zoid Fellugeous** zaman jalan kaki pergi sekolah, lepak tangga haha

Suka · Balas · 5m

1 Balasan

**Iman Damian**
terowong lejen ni.. zaman sekolah dulu slalu lalu situ.. nway,, selaun baik pilih kawasan terowong, lampu2 jalan just make sure berfungsi ya! ni gelap nak mampuih, pokok pun dh byk menghalang tuang2 lampu

Suka · Balas · 5m

2 Balasan

**Syaza Jinjang**
**https://www.facebook.com/bangiku/posts/1519389231598346**

Guys jum tengok

Suka · Balas · 5m

261

Yaser Ahmad Kamarudin
**Terbaik** YB...

**Suka** · **Balas** · 5m

OTHER POSTS

Faz Lee
Syabas

**Suka** · **Balas** · 5m

Most Relevant is selected, so some comments may have been filtered out.

261